

APAKAH YANG AKAN BERLAKU SEKIRANYA PLAINTIF GAGAL HADIR KE MAHKAMAH PADA TARIKH SEBUTAN PERTAMA DALAM KEADAAN DI MANA TERDAPAT TUNTUTAN BALAS OLEH DEFENDAN?

- ➔ Tuntutan Plaintiff akan dibatalkan dan Mahkamah akan merekodkan penghakiman ingkar kehadiran terhadap tuntutan balas (Borang 203).

PERBICARAAN DI MAHKAMAH TUNTUTAN KECIL

- ➔ Plaintiff dan Defendan akan mengemukakan dokumen masing-masing dan perlu membawa saksi masing-masing (jika ada).
- ➔ Plaintiff dan Defendan perlu sentiasa membawa salinan asal dokumen masing-masing ke Mahkamah sehingga kes diputuskan oleh Mahkamah.

KEPUTUSAN PERBICARAAN DI MAHKAMAH TUNTUTAN KECIL

- ➔ Penghakiman akan direkodkan terhadap Defendan sekiranya Plaintiff berjaya membuktikan tuntutannya.
- ➔ Tuntutan Plaintiff akan ditolak oleh Mahkamah sekiranya Plaintiff gagal membuktikan tuntutannya.
- ➔ Penghakiman akan direkodkan terhadap Plaintiff sekiranya Defendan berjaya membuktikan tuntutan balasnya.
- ➔ Tuntutan balas Defendan akan ditolak oleh Mahkamah sekiranya Defendan gagal membuktikan tuntutan balasnya.
- ➔ Mahkamah mempunyai budibicara untuk mengawardkan kos tidak melebihi RM100 di akhir perbicaraan pada pihak yang menang.
- ➔ Pihak yang menang hendaklah memfailkan 4 salinan penghakiman sepertimana yang diputuskan oleh Mahkamah di kaunter pendaftaran sivil Mahkamah Majistret.

- ➔ Kemukakan bayaran RM20.00 dan dapatkan resit.
- ➔ Dapatkan penghakiman yang telah dicop oleh Mahkamah untuk diserahkan kepada pihak yang kalah.

- ➔ Bagi Mahkamah yang mempunyai perkhidmatan e-filing, hanya 1 salinan yang perlu difailkan dan salinan yang mempunyai cop Mahkamah akan diperolehi melalui emel.

CARA SERAHAN PENGHAKIMAN

- ➔ Melalui pos berdaftar pra bayar.

PELAKSANAAN PENGHAKIMAN (TUNTUTAN KECIL)

- ➔ Orang yang berjaya dalam tuntutan dan memperolehi penghakiman dikenali sebagai Pemiutang Penghakiman.
- ➔ Orang yang terhadapnya penghakiman dibuat dikenali sebagai Penghutang Penghakiman.

APAKAH YANG PERLU DILAKUKAN OLEH PEMIUTANG PENGHAKIMAN SEKIRANYA PENGHUTANG PENGHAKIMAN TIDAK MEMATUHI PENGHAKIMAN?

- ➔ Pemiutang Penghakiman perlu dapatkan borang Notis Kepada Penghutang Penghakiman Untuk Tunjuk Sebab (Borang 208) di kaunter pendaftaran sivil Mahkamah Majistret.
- ➔ Failkan 4 salinan Borang 208 di kaunter pendaftaran sivil Mahkamah Majistret.
- ➔ Kemukakan bayaran RM20.00 dan dapatkan resit serta salinan Borang 208 yang mempunyai cop Mahkamah dan tarikh kehadiran untuk diserahkan kepada Penghutang Penghakiman.
- ➔ Bagi Mahkamah yang mempunyai perkhidmatan e-filing, hanya 1 salinan yang perlu difailkan dan salinan yang telah dicop oleh Mahkamah akan diperolehi melalui emel.

BICARA KEUPAYAAN PENGHUTANG PENGHAKIMAN

- ➔ Kedua-dua Pemiutang Penghakiman dan Penghutang Penghakiman perlu

hadir pada tarikh yang ditetapkan di Mahkamah Majistret bagi Penghutang Penghakiman memberi keterangan tentang keupayaannya untuk membayar Pemiutang Penghakiman.

- ➔ Sekiranya Penghutang Penghakiman hadir:

a) Penghutang Penghakiman perlu membawa bukti-bukti pendapatan dan perbelanjaan seperti buku akaun, slip gaji, bil utiliti, resit bayaran rumah, resit bayaran kereta dan lain-lain.

b) Mahkamah akan memeriksa keupayaan Penghutang Penghakiman dan memberikan perintah berikut:

i. Memerintahkan Pemiutang Penghakiman memfailkan Writ Penyitaan & Penjualan (Borang 84) terhadap Penghutang Penghakiman bagi tujuan melelong harta tak alih Penghutang Penghakiman;

ii. Memerintahkan Penghutang Penghakiman membuat bayaran secara ansuran ataupun secara sekaligus; atau

iii. Memerintahkan Penghutang Penghakiman dimasukkan ke dalam penjara dengan syarat Pemiutang Penghakiman bersetuju untuk menanggung kos pemenjaraan Penghutang Penghakiman.

- ➔ Sekiranya Penghutang Penghakiman tidak hadir:

a) Pemiutang Penghakiman perlu memfailkan affidavit penyampaian sebagai bukti Borang 208 dan penghakiman telah diserahkan kepada Penghutang Penghakiman;

b) Waran tangkap akan dikeluarkan oleh Mahkamah terhadap penghutang Penghakiman yang gagal hadir.


*** CATATAN :**

Contoh Borang boleh didapati dalam Lampiran A Kaedah-kaedah Mahkamah 2012



www.kehakiman.gov.my

MAHKAMAH TUNTUTAN KECIL



Untuk maklumat lanjut sila hubungi:
Bahagian Komunikasi Korporat dan Hubungan Antarabangsa,
Mahkamah Persekutuan Malaysia, Aras 2, Persint 3, Istana Kehakiman,
62504 Putrajaya, Malaysia.
Tel: 603-8880 3500 Faks: 603 - 8880 4017
info@kehakiman.gov.my
Pamflet ini boleh dimuat turun dari laman sesawang www.kehakiman.gov.my



APAKAH MAHKAMAH TUNTUTAN KECIL?

- ➔ Mahkamah Majistret yang mendengar tuntutan balik hutang atau gantirugi tidak melebihi RM5,000.

SIAPAKAH YANG BOLEH MEMBUAT TUNTUTAN DALAM MAHKAMAH TUNTUTAN KECIL?

- ➔ Individu yang ingin menuntut balik hutang atau gantirugi tidak melebihi RM5000.00.

ADAKAH PIHAK YANG MENUNTUT (PLAINTIF) BOLEH DIWAKILI OLEH PEGUAM?

- ➔ Tidak boleh.

ADAKAH PIHAK YANG DITUNTUT (DEFENDAN) BOLEH DIWAKILI OLEH PEGUAM?

- ➔ Tidak boleh sekiranya individu tetapi boleh sekiranya syarikat.

DI MANAKAH TUNTUTAN PERLU DIBUAT?

- ➔ Di Mahkamah Majistret yang berdekatan.

PROSEDUR MEMBUAT TUNTUTAN KECIL

- ➔ Dapatkan borang tuntutan kecil (writ dan penyata tuntutan – Borang 198) dari kaunter pendaftaran sivil Mahkamah Majistret.

- ➔ Isi butiran berikut dalam borang tuntutan yang ditandatangani oleh Plaintiff sendiri :

1. Nama, no. kad pengenalan dan alamat Plaintiff;
2. Nama, no. kad pengenalan / no. syarikat dan alamat Defendan;
3. Jumlah tuntutan (tidak melebihi RM5000.00); dan
4. Butir-butir tuntutan mengandungi tarikh, bagaimana tuntutan berbangkit dan asas tuntutan.

- ➔ Failkan 4 salinan borang tuntutan yang telah diisi di kaunter pendaftaran sivil Mahkamah Majistret .

- ➔ Kemukakan bayaran RM20.00 dan dapatkan resit serta salinan borang tuntutan yang mempunyai cop mahkamah dan tarikh dan masa perbicaraan. Bagi Mahkamah yang mempunyai perkhidmatan e-filing, hanya 1 salinan yang perlu difailkan dan salinan termeterai akan diperolehi melalui emel.

- ➔ Serahkan borang tersebut kepada Defendan.

- ➔ Hadir ke Mahkamah pada tarikh dan masa perbicaraan.

CARA SERAHAN BORANG TUNTUTAN KECIL KEPADA DEFENDAN

- ➔ Diserahkan secara peribadi dan dapatkan tandatangan akuan penerimaan; atau

- ➔ Melalui pos berdaftar pra bayar ke alamat terakhir Defendan yang diketahui (sila simpan resit pos berdaftar).

Jika Defendan merupakan sebuah syarikat maka Plaintiff perlu membuat carian di Suruhanjaya Syarikat Malaysia untuk mengetahui alamat berdaftar dan alamat perniagaan Defendan.

APAKAH YANG PERLU DILAKUKAN OLEH PLAINTIF SETELAH BORANG TUNTUTAN KECIL DISERAHKAN KEPADA DEFENDAN?

- ➔ Failkan affidavit penyampaian di kaunter pendaftaran sivil Mahkamah Majistret.

- ➔ Kemukakan bayaran RM8.00 dan dapatkan resit.

- ➔ Bukti penyerahan perlu dilampirkan bersama affidavit penyampaian.

(Afidavit adalah keterangan bersumpah secara bertulis mengenai sesuatu perkara)

APAKAH YANG PERLU DILAKUKAN OLEH DEFENDAN SETELAH MENERIMA BORANG TUNTUTAN KECIL?

- ➔ Jika Defendan mengakui tuntutan :- Penghakiman Persefujuan akan direkodkan oleh Mahkamah (Borang 204).

- ➔ Jika Defendan tidak mengakui tuntutan :- Failkan pernyataan pembelaan (Borang 199) dalam tempoh 14 hari dari tarikh penerimaan borang tuntutan kecil. Defendan juga boleh menggunakan borang yang sama sekiranya mempunyai tuntutan balas terhadap Plaintiff.

- ➔ Failkan 4 salinan pernyataan pembelaan / tuntutan balas di kaunter pendaftaran sivil Mahkamah Majistret.

- ➔ Kemukakan bayaran RM8.00 untuk tuntutan balas (jika ada) dan dapatkan resit serta salinan pembelaan / tuntutan balas yang mempunyai cop Mahkamah. Bagi Mahkamah yang mempunyai perkhidmatan e-filing, hanya 1 salinan yang perlu difailkan dan salinan termeterai akan diperolehi melalui emel.

- ➔ Serahkan pembelaan / tuntutan balas tersebut kepada Plaintiff.

- ➔ Pernyataan pembelaan hendaklah mengandungi butir-butir tentang mengapa Defendan mempertikaikan tuntutan dan sekiranya Defendan mempunyai suatu tuntutan balas, dia hendaklah menyatakan jumlah dan butir-butir tuntutan balas.

CARA SERAHAN PENYATAAN PEMBELAAN DAN TUNTUTAN BALAS KEPADA PLAINTIF

- ➔ Diserahkan secara peribadi dan dapatkan tandatangan akuan penerimaan; atau

- ➔ Melalui pos berdaftar pra bayar

kepada Plaintiff (sila simpan resit pos berdaftar).

APAKAH YANG AKAN BERLAKU SEKIRANYA DEFENDAN GAGAL MEMFAIKAN PERNYATAAN PEMBELAAN DALAM TEMPOH 14 HARI DARIPADA TARIKH BORANG TUNTUTAN KECIL DITERIMA?

- ➔ Mahkamah boleh merekodkan Penghakiman Ingkar Pembelaan terhadap Defendan (Borang 201) ataupun memberi lanjutan masa untuk Defendan memfailkan pernyataan pembelaan.

APAKAH YANG AKAN BERLAKU SEKIRANYA DEFENDAN GAGAL HADIR KE MAHKAMAH PADA TARIKH SEBUTAN PERTAMA?

- ➔ Mahkamah akan merekodkan Penghakiman Ingkar Kehadiran terhadap Defendan (Borang 202).

APAKAH YANG PERLU DILAKUKAN OLEH PLAINTIF SEKIRANYA DEFENDAN MEMFAIKAN TUNTUTAN BALAS TERHADAP PLAINTIF?

- ➔ Failkan 4 salinan pernyataan pembelaan kepada tuntutan balas (Borang 200) di kaunter pendaftaran sivil Mahkamah Majistret.

- ➔ Kemukakan bayaran RM8.00 untuk pembelaan dan dapatkan resit serta salinan pembelaan kepada tuntutan balas yang mempunyai cop Mahkamah. Bagi Mahkamah yang mempunyai perkhidmatan e-filing, hanya 1 salinan yang perlu difailkan dan salinan yang telah dicop oleh Mahkamah akan diperolehi melalui emel.

CARA SERAHAN PENYATAAN PEMBELAAN KEPADA TUNTUTAN BALAS TERHADAP DEFENDAN

- ➔ Diserahkan secara peribadi dan dapatkan tandatangan akuan penerimaan; atau

- ➔ Melalui pos berdaftar pra bayar kepada Defendan (sila simpan resit pos berdaftar).